

Analisis Keperluan Aplikasi Tatabahasa Arab Asas Berasaskan Regulasi Kendiri Dalam Kalangan Pelajar Diploma UnIPSAS

[Analysis of Basic Arabic Grammar Application Needs Based on Self-Regulation Among UnIPSAS Diploma Students]

Muhamad Fairuz Ali^{1*}  & Amilrudin Ishak¹ 

¹Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, KM 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang

Email : mfairuz@unipsas.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33102/ uij.vol36no02.623>

Abstrak

Dalam era globalisasi masa kini, penggunaan aplikasi e-pembelajaran telah menjadi salah satu alternatif yang diminati oleh pelajar untuk memahami bahasa. Pendekatan pembelajaran ini melibatkan pemanfaatan teknologi dan platform elektronik dalam proses mengajar serta pembelajaran bahasa. Bahasa Arab pun tidak terkecuali daripada perkembangan teknologi ini. Pengaruh dari zaman pembelajaran abad ke-21 dan revolusi industri 4.0 telah mengubah cara pembelajaran secara keseluruhan, termasuk dalam bidang pendidikan. Pembelajaran bahasa Arab pun telah mengalami transformasi dari pembelajaran di dalam kelas, kini pelajar juga memiliki kemungkinan untuk mempelajarinya secara mandiri melalui peranti telefon pintar. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis keperluan dan ciri-ciri aplikasi tatabahasa Arab asas berasaskan regulasi sendiri dalam kalangan pelajar diploma UnIPSAS. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan temu bual separa berstruktur melibatkan responden dalam kalangan pengajar bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi. Hasil temu bual kemudian direkodkan dan dijadikan transkripsi untuk tujuan analisis tematik. Dapatan kajian ini seterusnya menunjukkan persetujuan responden memberikan persetujuan untuk diwujudkan aplikasi tatabahasa Arab asas dalam kalangan pelajar UnIPSAS. Kajian ini turut mengusulkan cadangan ciri-ciri yang perlu ada dalam aplikasi telefon pintar ini..

Kata Kunci : Analisis keperluan, pembelajaran bahasa Arab, aplikasi telefon pintar, pembelajaran abad ke-21

Abstract

In the current era of globalization, the use of e-learning applications has become one of the preferred alternatives for students to understand languages. This learning approach involves the utilization of technology and electronic platforms in the teaching and learning process of languages. Arabic language is not exempt from this technological development. The influence of the 21st-century learning era and the fourth industrial revolution has transformed the overall learning process, including in the field of education. Arabic language learning has also undergone a transformation from classroom-based learning; now students also have the possibility to learn it independently

Manuscript Received Date: 30/04/24

Manuscript Acceptance Date: 24/05/24

Manuscript Published Date: 30/07/24

©The Author(s) (2024). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my



Analisis Keperluan Aplikasi Tatabahasa Arab Asas Berasaskan Regulasi Kendiri Dalam Kalangan Pelajar Diploma UnIPSAS

through smartphones. Therefore, this study aims to analyze the needs and characteristics of basic Arabic grammar applications based on self-regulation among diploma students at UnIPSAS. This study employs a qualitative approach with semi-structured interviews involving respondents among Arabic language teachers at the higher education level. The interview results are then recorded and transcribed for thematic analysis purposes. The findings of this study further indicate respondents' agreement to establish basic Arabic grammar applications among UnIPSAS students. The study also proposes suggestions for features that should be included in this smartphone application.

Keywords: Needs analysis, Arabic language learning, smartphone applications, 21st-century learning

1.0 Pendahuluan

Dengan kemajuan teknologi yang berkembang dengan pesatnya, era globalisasi menyaksikan bahasa Arab semakin mendapat tempat dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat dan digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan (Awaluddin, 2013). Bahasa Arab yang dulunya hanya sebagai bahasa keagamaan dan ibadah umat Islam (Firdaus Yahaya et al., 2013), kini telah melalui transformasi serta menjadi alat komunikasi yang digunakan dalam pelbagai konteks secara global.

Salah satu kesan yang nyata, era kini menyaksikan universiti di pelbagai negara menawarkan pengajian bahasa Arab sama ada dalam linguistik, kesusasteraan atau komunikasi, menjadikan jumlah mahasiswa yang bergraduan mampu menjadikan bahasa Arab termasuk sebagai salah satu gunaan profesional melangkaui bidang perniagaan, komunikasi, penterjemahan, media, pendidikan dan sebagainya (Hidayah & Muyassaroh, 2023).

Perubahan besar ini adalah didorong dengan pengaruh teknologi. Terdapat banyak bahan pendidikan Bahasa Arab dalam talian menyaksikan pembelajaran bahasa ini boleh dikuasai oleh pelbagai lapisan masyarakat hanya di hujung jari. Nota-nota yang dimuat naik di laman web misalnya turut menyajikan nota bahasa Arab yang mudah diakses oleh pelajar (Saad et al., 2005). Penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa Arab ini dilihat memberi sumbangan dalam peningkatan kemahiran pelajar (Promadi, 2016).

Kandungan pembelajaran dalam talian ini semakin menarik minat pelajar kalangan pelajar bahasa Arab seiring dengan zaman era Revolusi Industri 4.0 serta pembelajaran abad ke-21 (Koderi, 2017). Menurut Pimada & Amrulloh (2020), Transformasi yang disebut sebagai e-pembelajaran ini mampu menggalakkan pembelajaran bahasa Arab secara dalam talian yang semakin berkembang pesat bersama kemajuan teknologi.

Lebih dari itu, muncul pula aplikasi-aplikasi dalam telefon pintar untuk tujuan pembelajaran bahasa Arab. Aplikasi ini menyediakan sokongan dan paparan dalam bahasa Arab dalam usaha memudahkan pengguna yang terdiri daripada pelbagai latar belakang untuk mempelajari bahasa ini. Namun, keberkesanan penggunaan aplikasi telefon pintar ini tidak terletak kepada kebijaksanaan pengguna sahaja. Aspek-aspek pembangunan aplikasi ini perlu menyokong kepada perkembangan dan menjadi lebih responsif kepada keperluan pengguna.

Justeru dalam kajian ini, pengkaji akan memaparkan keperluan aplikasi tatabahasa Arab asas berasaskan regulasi sendiri dalam kalangan pelajar diploma UnIPSAS serta ciri-ciri yang perlu ada dalam aplikasi telefon pintar ini. Kajian ini sekaligus membuka pintu inovasi yang baru untuk para inovator mereka bentuk aplikasi bahasa Arab untuk tujuan pembelajaran.

2.0 Sorotan Literatur

Kajian berkaitan modul pembelajaran bahasa Arab telah dijalankan oleh Farihah (2020), Azhan dan Azmi (2018), Ummu Nasibah et al (2015) dan Ahmad kilani et al (2003). Kajian Farihah et al (2020) mendapati pembelajaran yang kondusif dipengaruhi oleh modul yang menarik sama ada fizikal atau dalam talian. Kajian ini seterusnya mencadangkan agar pembelajaran bermodul dapat ditingkatkan penggunaannya demi pembelajaran yang berkesan dan efektif.

Kajian Azhan dan Azmi (2018) berkaitan pelaksanaan modul pembelajaran bahasa Arab melalui aplikasi telefon pintar. Kajian ini dijalankan ke atas 60 pelajar semasa cuti semester dengan menggunakan aplikasi WhatsApps sebagai medium operasi perbincangan. Hasil bantuan aplikasi ini, penglibatan pelajar dilihat meningkat dalam setiap perbincangan yang dijalankan. Kajian pembelajaran bahasa menggunakan aplikasi ini turut dikaji oleh Hartatik & Lestari (2021) yang mencadangkan agar aplikasi whatsapp ini digunakan oleh para pendidik dalam proses pembelajaran pelajar.

Modul pengajaran bahasa Arab untuk tujuan khas di Universiti Sains Islam Malaysia telah direka bentuk oleh Ummu Nasibah et al (2015) dengan menggunakan model ADDIE. Modul ini dilihat menepati objektif yang ingin dicapai serta menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar USIM lebih efektif. Kajian Ahmad kilani et al (2003) berkisar modul bahasa Arab jurusan Pengajian Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Beliau menyimpulkan modul atas talian ini adalah satu kaedah menarik dalam usaha menggalakkan pelajar mempelajari bahasa Arab. Kaedah ini juga menjadikan para pelajar bermotivasi dan bersemangat untuk mempelajari bahasa Arab kerana mempunyai suasana yang berbeza daripada sebelumnya.

Secara kesimpulannya, pembelajaran bahasa Arab menggunakan modul melibatkan penggunaan teknologi adalah memberi kesan yang lebih kepada pelajar. Justeru, kajian ini akan Menganalisis keperluan aplikasi tatabahasa Arab asas berasaskan regulasi sendiri dalam kalangan pelajar diploma UnIPSAS.

3.0 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut:

1. Menganalisis keperluan aplikasi tatabahasa Arab asas berasaskan regulasi sendiri dalam kalangan pelajar diploma UnIPSAS.
2. mengenalpasti ciri-ciri yang perlu ada dalam aplikasi tatabahasa Arab asas berasaskan regulasi sendiri dalam kalangan pelajar diploma UnIPSAS.

4.0 Metodologi Kajian

1. Sampel Kajian

Kajian ini berfokus kepada responden yang terdiri dalam kalangan pensyarah di Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah. Kesemua responden yang terlibat adalah pensyarah perempuan yang telah berkhidmat lebih dari 9 tahun.

2. Pengumpulan Data

Pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur dalam pengumpulan data dengan melihat kepada kesesuaian kajian ini yang bersifat kualitatif. Teknik temu bual ini adalah yang paling sesuai dalam usaha mendapatkan data yang tepu dan mendalam serta menepati kumpulan yang disasarkan (Djonnaidi & Wahyuni, 2019). Kaedah temu bual ini juga memberi gambaran yang realiti kepada sesuatu fenomena yang dikaji (David Silverman, 2010). Tambahan pula, kesemua responden ini telah memberi input dan maklumat yang diperlukan dalam penghasilan aplikasi tatabahasa Arab asas ini.

3. Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah item temu bual yang mewakili soalan yang ditujukan kepada responden. Soalan-soalan yang diajukan ini tidak dibuat dalam bentuk yang ditentukan jawapan sebaliknya memerlukan responden menjawab berdasarkan pengalaman, pemerhatian serta maklumat yang ada. Pembinaan soalan juga telah dirujuk kepada tiga orang pakar dalam bidang. Di samping itu, temu bual ini juga menggunakan perakam suara digital untuk merakam segala hasil temu bual serta proses pengutipan data dan seterusnya dijadikan transkripsi untuk dianalisis.

5.0 Dapatan Dan Perbincangan

**Analisis Keperluan Aplikasi Tatabahasa Arab Asas Berasaskan Regulasi Kendiri
Dalam Kalangan Pelajar Diploma UnIPSAS**

Temu bual separa berstruktur telah dijalankan ke atas lima orang pensyarah bagi mendapatkan input dan data berkaitan keperluan aplikasi tatabahasa Arab asas berasaskan regulasi sendiri dalam kalangan pelajar diploma UnIPSAS. Kesemua responden ini adalah sebagaimana keterangan pada jadual berikut:

Jadual 1: Profil Peserta Temu Bual

Peserta	Jantina	Jawatan	Kelayakan Akademik Tertinggi	Pengalaman Pengajar
Pensyarah 1	Perempuan	DM42	Sarjana Muda	9 Tahun
Pensyarah 2	Perempuan	DM42	Sarjana Muda	12 Tahun
Pensyarah 3	Perempuan	DM46	Sarjana	20 Tahun
Pensyarah 4	Perempuan	DM46	Sarjana	12 Tahun
Pensyarah 5	Perempuan	DM46	Sarjana	16 Tahun

Jadual 1 menunjukkan profil responden kajian yang terdiri daripada jantina, jawatan, kelayakan akademik tertinggi serta pengalaman mengajar. Kesemua responden ini adalah dalam kalangan pensyarah di Jabatan Bahasa Arab Fakulti Pengajian Islam UnIPSAS. Empat daripadanya telah berkhidmat melebihi 10 tahun dan bakinya iaitu seorang telah berkhidmat 9 tahun. Kesemua responden yang dipilih ini mempunyai pengalaman yang luas dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di peringkat diploma.

Data temubual ini telah dirakam menggunakan perakam suara MP4 dan kemudiannya telah menjalani proses transkripsi. Data transkripsi ini kemudiannya dianalisis untuk mengenalpasti koding dan kategori berasaskan tema yang telah diperoleh.

Dalam kajian ini para pensyarah diberikan label sebagai PSY manakala TB bermaksud temu bual dan disusuli dengan nombor satu hingga lima yang mewakili turutan pensyarah berkenaan. Nombor pada akhir petikan transkripsi tersebut mewakili baris. Dengan kata yang lain kelima-lima responden dilebelkan seperti berikut

Jadual 2: Label Responden

Peserta	Label
Pensyarah 1	PSY_TB_1:1-74
Pensyarah 2	PSY_TB_1:1-57
Pensyarah 3	PSY_TB_1:1-114
Pensyarah 4	PSY_TB_1:1-119
Pensyarah 5	PSY_TB_1:1-72

keperluan aplikasi tatabahasa Arab asas berasaskan regulasi sendiri dalam kalangan pelajar diploma UnIPSAS


Objektif pertama adalah untuk aplikasi tatabahasa Arab asas berasaskan regulasi sendiri dalam kalangan pelajar diploma UnIPSAS. Dapatan daripada responden adalah seperti berikut:

“Saya rasa penting. Sebab sekarang ni kan banyak macam YouTube tu kan dia terlalu banyak. Mungkin ada satu macam hub lah kot yang dibangunkan oleh pensyarah kita sendiri untuk pelajar-pelajar kita sendiri. Pensyarah-pensyarah pun boleh sumbangkan idea dalam tu”. (PSY_TB_1:70-72)

Selain itu, responden menyatakan persetujuan dengan teori yang digunakan iaitu regulasi sendiri sebagaimana petikan berikut:

Sebabnya dah memang duduk universiti, itu bukan tahap lecturer lagi untuk maklumkan awak kena buat perbincangan dan tengok YouTube apa benda kan, itu kan lebih kepada usaha sendirikan. Lainlah kalau kamu di sekolah, saya rasa benda tu logiklah. Kalau peringkat universiti, saya rasa level tu tak sesuai kita sendiri yang ingatkan dia orang sebab benda tu datangnya dari pelajar sendiri.: PSY_TB_3:55-59

Objektif kedua adalah mengenalpasti ciri-ciri aplikasi tatabahasa Arab asas berasaskan regulasi sendiri dalam kalangan pelajar diploma UnIPSAS. Dapatan daripada responden adalah seperti berikut:



Rajah 1: Cadangan ciri-ciri aplikasi tatabahasa Arab asas berasaskan regulasi sendiri dalam kalangan pelajar diploma UnIPSAS

1. Grafik

Dapatan temu bual mendapati, responden telah mengemukakan cadangan untuk aplikasi yang akan dibangunkan. Antaranya adalah perlu mempunyai grafik yang menarik.

“Saya rasa grafiknya perlu menarik, jelas, ada penerangan suara selari dengan apa yang dipancarkan dalam aplikasi tu. Dan dia mungkin tak perlu satu maklumat yang terlalu panjang dan mestilah disertakan dengan contoh.” PSY_TB_1:60-62

2. Interaktif

Analisis Keperluan Aplikasi Tatabahasa Arab Asas Berasaskan Regulasi Kendiri Dalam Kalangan Pelajar Diploma UnIPSAS

Data yang diperoleh turut menjelaskan bahawa unsur interaktif perlu dalam aplikasi tatabahasa Arab ini sebagaimana komen responden berikut:

“Pada pandangan saya, memang sangat-sangat perlu kerana aplikasi ini berkemungkinan akan memudahkan pelajarlah dari segi mendapatkan maklumat-maklumat lain dan dia adalah lebih bersifat interaktif, maksudnya tidak hanya berdasarkan modul semata-mata aida.” PSY_TB_2:42-44

Hal ini turut diakui oleh PSY_TB_4:111-113 dan PSY_TB_5:29-32 yang mencadangkan adanya penggunaan video, suara dan ciri-ciri lain yang lebih menarik.

“Ciri-ciri dia mesti ada video lah, video, suara, lepas tu emm apa lagi ye emm benda-benda yang atas tu lah yang perlu dimasukkan emm dhommah, kasrah tu kan.” PSY_TB_4:111-113

“Mungkin antara solusinya ialah kita boleh melaksanakan pembelajaran interaktif. Contohnya macam kuiz permainan ataupun aplikasi-aplikasi apa orang panggil aplikasi yang dalam telefon tu aplikasi mudah alih, dan juga kita mungkin boleh aaa menghidupkan ataupun membina suasana bahasa Arab.” PSY_TB_5:29-32

3. Latihan dan Respon

Selain itu, latihan-latihan perlu diberikan untuk menguji pengetahuan dan kefahaman pelajar. Maklum balas kepada setiap latihan itu perlu segera agar pelajar dalam mengetahui perkembangan pembelajarannya sebagaimana respon berikut:

“Elemen lain aaa aplikasi isu mestilah menarik untuk pelajar. Orang kata apa, mengakseslah. Menarik, kemudian mudah diurus, memberi respon kepada jawapan belajar bila pelajar itu menjawab atau membaca, dia boleh tahu terus sama ada apa yang dipelajari melalui apps tu betul ataupun salah.” PSY_TB_2:51-54

“Tapi kalau dia tak buat latihan tak bolehlah. Macam Math lah. Kalau awak hafal je formula dia tak buat latihan, tak jadi kan? Saya rasa macam tu tapi mungkin ada juga bentuk-bentuk yang lain.” PSY_TB_3:45-47

4. Pembelajaran Kontekstual

Data yang diperoleh turut menekankan kepada penggunaan modul yang bersesuaian dengan pembelajaran kontekstual. PSY_TB_5 menyifatkan pembelajaran jenis ini penting dalam usaha menerapkan suasana dan senarion yang praktikal.

“Kedua, perlu ada elemen kepada pembelajaran kontekstual. Yang mana tatabahasa tu, kita perlu ajarkan tatabahasa tu dalam konteks aaa maksudnya dalam perbualan tu mengikut Situasi yang boleh di apply dalam perbualan dia. dalam komunikasi harian dia. Maksudnya kita terapkan dalam suasana ataupun senario yang praktikallah, menjadikan dia lebih mudah diingat, lebih sesuai, lebih relevan.” PSY_TB_5:67-71

6.0 Kesimpulan Dan Cadangan Kajian

Kesimpulannya, dapatan analisis temu bual responden menunjukkan bahawa aplikasi tatabahasa Arab asas berasaskan regulasi sendiri kepada pelajar diploma UnIPSAS wajar untuk dibina. Kesemua responden berpendapat bahawa perlunya pelajar didedahkan dengan aplikasi pembelajaran yang mempunyai ciri-ciri grafik yang menarik, interaktif, mempunyai latihan dan respon secara pantas, serta menitikberatkan pembelajaran kontekstual.

Ciri-ciri ini juga selari dengan teori Pembelajaran Regulasi Kendiri yang mengutamakan pengurusan maklumat dan ilmu itu dikendalikan oleh pelajar secara sendiri, selain dari menitikberatkan elemen strategi kognitif dan metakognitif dalam proses pembelajaran (Zimmerman, 2014). Pelajar juga didedahkan dengan kemahiran merancang menyemak dan mencantumkan ilmu yang dipersembahkan dalam bentuk yang menarik dan memotivasikan pelajar

7.0 Rujukan

- Awaluddin. (2013). Aplikasi Nahu Dalam Komunikasi Bahasa Arab. 1–168. http://studentsrepo.um.edu.my/5394/1/AWALUDDIN_Pdf.pdf
- Azhan, N., & Azmi, N. (2018). PEMBELAJARAN KOLABORATIF PINTAR DALAM PEMBELAJARAN NAHU Collaborative Learning Through ... E JURNAL PENDIDIKAN DAN INOVASI, 4 NO 1(e-ISSN 2289-7909), 22.
- David Silverman. (2010). *Doing Qualitative Research*. SAGE Publications Sage UK: London, England.
- Djonnaidi, S., & Wahyuni, N. (2019). Needs Analysis of English Department Students in Translating Text for Completing the Final Project at State Polytechnic of Padang. *Journal Polingua: Scientific Journal of Linguistic Literatura and Education*, 8(1), 21–26. <https://doi.org/10.30630/polingua.v8i1.72>
- Firdaus Yahaya, M., Sabri Sahrir, M., & Shahrizal Nasir, M. (2013). Pembangunan laman web ez-arabic sebagai alternatif pembelajaran maya bahasa Arab bagi pelajar sekolah rendah Malaysia. *Jurnal Teknologi (Sciences and Engineering)*, 61(1), 11–18. <https://doi.org/10.11113/jt.v61.1676>
- Hartatik, S. F., & Lestari, H. D. (2021). Penggunaan WhatsApp sebagai Media Komunikasi Pembelajaran Bahasa Inggris. *Jurnal Nomosleca*, 7(1), 45–56. <https://doi.org/10.26905/nomosleca.v7i1.5535>
- Hidayah, N., & Muyassaroh, L. (2023). Pembelajaran Bahasa Arab Bagi Non Muslim Berbasis Moderasi Beragama di Sekolah Umum. *Jurnal Ilmiah Wahana Pendidikan*, 9(3), 192–197.
- Koderi, K. (2017). Pengembangan modul elektronik berbasis SAVI untuk pembelajaran bahasa Arab. *JTP-Jurnal Teknologi Pendidikan*, 19(3), 206–223.
- Mohamed, A. K., Muhammad, A., & Jasmi, K. A. (2003). Permasalahan Pengajaran Nahu Bahasa Arab Kepada Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) UTM. *Fourth International Seminar on LSP in Practise: Responding to Challenges*, March 2003, 1–12. http://eprints.utm.my/22607/1/AhmadK2003_PermasalahanPengajaranNahuBahasaArab.pdf
- Pimada, L. H., & Amrulloh, M. A. (2020). Penerapan media elektronik pada pembelajaran bahasa Arab. *Lahjah Arabiyah: Jurnal Bahasa Arab Dan Pendidikan Bahasa Arab*, 1(2), 120–128.
- Promadi. (2016). PENDEKATAN KOMUNIKATIF DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB MELALUI KELAS MAYA. In *Universiti Putra Malaysia*.
- Saad, R. B. M., Ismail, Z. Bin, & Abdullah, W. N. B. W. (2005). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berasaskan web. *Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Pendidikan Maktab Perguruan Baru Lintang*, 15–16.
- Ummu Nasibah, N., & Abd Ghani, Muhammad Izuan Mat Shaid@Ms Shaid, N. (2015). Model Addie Dalam Proses Reka Bentuk Modul Pengajaran: Bahasa Arab Tujuan Khas Di Universiti. *Proceedings of the International Seminar on Language Teaching ISeLT 2015*, 2021(February), 1–6. [file:///C:/Users/USER/Downloads/ISeLT 2015-ADDIE dalam modul pengajaran.pdf](file:///C:/Users/USER/Downloads/ISeLT%2015-ADDIE%20dalam%20modul%20pengajaran.pdf)
- Zimmerman, B. J. (2014). Self-Regulated Learning and Academic Achievement: An Overview. December. <https://doi.org/10.1207/s15326985ep2501>